

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)50**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

50. Apakah cara penyelesaian Kerajaan Negeri untuk memastikan kesemua PBT-PBT Negeri Pulau Pinang akan menguatkuasakan Penang Accessibility Checklist yang telah ditubuhkan oleh Penang Accessibility Action Group (PAAG) yang berada di bawah MMK Kerajaan Tempatan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

50. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan Bil. 2/2019 pada 1 Julai 2019 yang dipengerusikan oleh YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh selaku Pengerusi Jawatankuasa MMK Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa bersetuju supaya satu senarai semak diwujudkan sebagai panduan bagi keperluan jabatan, agensi pelaksana dan *Principal Submitting Person* (PSP) di Pulau Pinang. Jawatankuasa mesyuarat juga bersetuju meluluskan senarai semak ini untuk diangkat dan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) selaku urusetia

*Penang Accessibility Action Group (PAAG)* kini sedang dalam proses untuk menyediakan satu garis panduan mengenai pemakaian senarai semak tersebut sebelum diangkat kepada MMKN untuk dipertimbang dan diluluskan cadangan mewujudkan senarai semak bagi keperluan jabatan, agensi pelaksana dan *Principal Submitting Person* (PSP) dalam merancang dan mereka bentuk kemudahan persekitaran bandar mengikut agenda *Universal Design, Gender and Accessibility* dalam projek pembangunan di Pulau Pinang.

Kandungan *Penang Accessibility Checklist* atau senarai semak bagi keperluan jabatan, agensi pelaksana dan *Principal Submitting Person* (PSP) di Pulau Pinang mempunyai kaitan dengan penetapan menggunakan MS1184:2014 (*Universal Design and Accessibility in the Built Environment - Code of Practice*). Pada masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengamal dan menggunapakai MS1184:2014 untuk semua pembinaan infrastruktur awam di dalam kawasan bidang kuasanya. Justeru, penguatkuasaan oleh PBT dengan merujuk kepada MS1184:2014 dalam kerja-kerja pembinaan dan menaiktaraf infrastruktur akan memberi manfaat serta menjamin keselamatan dan keselesaan semua golongan dan lapisan

masyarakat dapat dilaksanakan. Selain itu, pelan-pelan pembangunan baharu yang dikemukakan kepada PBT akan disemak untuk memastikan ianya mematuhi kriteria atau garis panduan yang telah ditetapkan. Salah satu kriteria yang perlu dipatuhi sebelum pelan-pelan pembangunan baharu ini diluluskan adalah pembinaan infrastruktur awam mestilah disyaratkan dengan mematuhi piawaian MS1184:2014 tersebut.